

14/10/1997

Umno NS buka lebih banyak kafe siber

Ziuddin Sharuddin

REMBAU, Isnin - Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan merancang membuka lebih banyak kafe siber di negeri ini bagi memperhebatkan kesedaran di kalangan ahli dan masyarakat mengenai Teknologi Maklumat (IT).

Pengerusinya, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata setakat ini hanya satu kafe siber dibuka, iaitu di Umno cawangan Linggi di Port Dickson, 10 Julai lalu.

Katanya, Umno akan mengkaji tempat lain negeri ini yang sesuai untuk dibuka kafe siber.

"Antara tempat yang dikenal pasti ialah Titian Akar dan Chembong di Rembau serta Bagan Pinang dan Pasir Panjang di Port Dickson," katanya selepas merasmikan khemah pakar perubatan di balai raya Kampung Titian Akar dekat sini, semalam.

Program rawatan dan pemeriksaan perubatan percuma yang disertai tujuh doktor itu adalah anjuran bersama Umno cawangan Titian Akar dan Pusat Sri Sathya Sai Baba.

Turut hadir ialah Pengerusi Pusat Sri Sathya Sai Baba Port Dickson, Dr Ram Gopal.

Mohd Isa berkata, penubuhan lebih banyak kafe siber sejajar dengan kempen kerajaan meningkatkan penyertaan rakyat menggunakan IT secara meluas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang melancarkan kempen itu kelmarin, mengajak rakyat menyahut panggilan untuk berjuang dan menyokong inisiatif kerajaan menggunakan IT.

Menteri Besar berkata, ahli parti dan masyarakat sama ada suka atau tidak, perlu menguasai IT kerana kebolehan daya saing dunia masa depan bergantung kepada kemampuan menguasai IT.

Katanya, bangsa dan negara yang menguasai IT mampu menjadi teraju kepimpinan dunia.

"Saya harap semua peringkat masyarakat berusaha menguasai IT. Kemahiran itu tidak terhad kepada golongan muda atau penduduk bandar, tetapi golongan tua dan luar bandar juga perlu menguasainya."

"Penubuhan kafe siber oleh Umno negeri adalah antara usaha menjadikan masyarakat luar bandar tidak canggung dengan IT. Saya percaya melalui pendedahan meluas, IT tidak lagi dianggap sesuatu yang sukar dikuasai," katanya.

Sementara itu, katanya kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Kerajaan Pusat menjayakan matlamat kempen IT.

Pada masa sama, katanya sektor swasta perlu bekerjasama dan menyumbangkan bantuan untuk menjayakan matlamat itu dan tidak menganggap kempen itu adalah projek kerajaan.

(END)